

Terapi ICT Kanak-kanak ADHD

Nama : AZRUL HAFIZ BIN KHAIRULANUAR
PI1M : PI1M FELDA TROLAK SELATAN)
Pemberi Perkhidmatan : Telekom Malaysia Berhad

Azrul Hafiz bin Khairulanuar adalah seorang kanak-kanak yang dikategorikan sebagai 'Orang Kelainan Upaya' (OKU) kerana mempunyai masalah 'Attention Deficit Hyperactivity Disorder' (ADHD) iaitu tidak dapat memberi tumpuan, hiperaktif dan impulsif. Beliau kini mencecah 13 tahun dan bersekolah di Sekolah Pendidikan Khas Trolak Selatan,

Sungkai, Perak. Beliau yang pernah menerima rawatan terapi ais pada usia awal pra-sekolah mempunyai masalah dari segi pembelajaran dan pertuturan. Bukan sahaja orang luar, malah ahli keluarga sendiri pun kadang kala sukar untuk memahami apa yang cuba disampaikan oleh beliau dan ada ketikanya beliau terpaksa berkomunikasi menggunakan pen dan kertas.

Kekurangan yang ada pada dirinya tidak sedikit pun menggugat kasih sayang keluarga terhadapnya. Beliau sejak kecil tinggal bersama nenek dan ibunya yang merupakan ibu tunggal serta dua adiknya yang masing-masing berusia 12 dan 6 tahun.


Kanak-kanak ini adalah merupakan pelanggan setia Pusat Internet 1Malaysia (PI1M), Felda Trolak Selatan, Sungkai, Perak sejak empat tahun yang lalu. Kali pertama beliau hadir ke PI1M, beliau langsung tidak mengenali komputer dan Internet. Walaupun beliau mempunyai masalah ADHD, namun perasaan ingin tahu sangat mendalam pada dirinya. Ini menyebabkan Pn Maimunah iaitu neneknya terpaksa menghantar beliau ke PI1M hampir setiap petang selepas waktu sekolah untuk memenuhi rasa ingin tahu cucunya itu. Menurut Pengurus PI1M Felda Trolak Selatan, Puan Nor Salmah binti Mat Desa, sejak Mac 2010, Azrul Hafiz akan hadir ke PI1M setiap hari di antara jam 3-5 petang tanpa gagal. Beliau belajar menggunakan komputer dan Internet selangkah demi selangkah.



Azrul Hafiz bersama neneknya, Pn Maimunah di Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M) Felda Trolak Selatan, Sungkai, Perak

Bermula dengan belajar mewarna secara atas talian menggunakan tetikus dan papan kekunci, kini beliau boleh membuka Internet sendiri tanpa perlu diajar. Beliau sering melayari laman web permainan dan pembelajaran atas talian seperti <http://www.learninggamesforkids.com/> dan gemar menonton cerita animasi kanak-kanak, Upin dan Ipin di YouTube.

Bagi Azrul Hafiz, melayari Internet membolehkan beliau memperbaiki pertuturannya dan menambah perbendaharaan kata terutamanya di dalam Bahasa Inggeris. Meskipun sedar akan keterbatasannya untuk bertutur, namun itu tidak sekali-kali melemahkan semangatnya untuk mengubah keadaan diri. Melalui pemerhatian petugas PI1M, Azrul Hafiz semakin cekap menggunakan komputer dan Internet dan penguasaan perkataan turut meningkat. Benarlah kata orang, 'Alah bisa, tegal biasa'. Pertuturan beliau semakin boleh difahami oleh orang-orang di sekelilingnya dan ini membantu beliau untuk mendekati diri dan lebih 'serasi' dengan masyarakat sekeliling. Bukan



itu sahaja, daya tumpuan kanak-kanak ini juga semakin meningkat dan ini benar-benar membantu proses pembelajarannya di sekolah. Menurut neneknya, beliau amat gembira dengan perkembangan positif yang ditunjukkan oleh cucunya itu dan amat bersyukur kerana dengan adanya kemudahan dan bimbingan daripada pihak Pusat Internet 1Malaysia, cucunya itu kini seolah-olah telah menemui sinar

baru dalam kehidupannya. Dengan tidak meletakkan harapan yang tinggi terhadap kejayaan dan masa depan Azrul Hafiz, ibu dan neneknya cukup bersyukur sekiranya permata kesayangan mereka ini boleh berkomunikasi dengan baik, menjalani hidup yang normal dan gembira seperti orang lain dan menjadi insan yang berdikari dan berguna pada keluarga dan masyarakat.